



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 2 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	INSENTIF RM1 SETIAP SEKILOGRAM PLECO, LOKAL, HM-19 NELAYAN TUA TIADA GANTI, DALAM NEGERI, UM-7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3. 4. 5.	KEBOLEHPASARAN PELAJAR PERTANIAN MENURUN, DALAM NEGERI, UM-12 NAGA UMBANG "TUA" BERBUAH LEBAT, NEGARA, KOSMO-14 DRIVING INNOVATION IN THE NATIONAL AGRI SECTOR, NATIONAL, THE STAR-10	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2024	HARIAN METRO	LOKAL	19



IZHAM menebar jala menangkap ikan Pleco di Sungai Langat di Denai Sungai Kebangsaan Sungai Langat, Bangi. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

Insentif **RM1** setiap sekilogram pleco

Kerajaan Selangor sasar tangkap 50,000kg ikan bandaraya di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat sepanjang bulan ini

Oleh Sudirman Mohd Tahir
sudirman@hmetro.com.my

Bangi

Kerajaan Selangor menyasarkan 50,000 kilogram (kg) atau 50 tan ikan bandaraya (pleco) ditangkap di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat sepanjang bulan ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Izham Hashim berkata, menerusi program itu, kerajaan negeri turut menyediakan insentif RM1 bagi setiap kilogram tangkapan ikan.

Menurutnya, insentif tangkapan itu sebagai langkah mengurangkan populasi ikan yang menjadi antara faktor penyebab runtuhan tebing sungai dan banjir.

"Sepanjang bulan ini iaitu pada setiap Sabtu dan Ahad, kita menyasarkan tangkapan sebanyak 50,000kg. Bermakna, kerajaan negeri memperuntukkan RM50,000 sebagai insentif kepada peserta yang terbabit."

"Saya dapati sambutan



PEMBURU ikan pleco menunjukkan hasil tangkapan.

diberikan orang ramai sangat memberangsangkan. Ini bukan kerja saya seorang tapi kerjasama semua pihak dan kalau boleh kita mahu program ini berterusan.

"Saya juga berkeyakinan kita boleh mengurangkan dan hapuskan terus bukan

saja ikan bandaraya, malah ikan lain terutama spesies invasif," katanya pada program pemuliharaan sumber perikanan darat dan pemberian insentif pemburu ikan Pleco di Denai Sungai Kebangsaan, Sungai Langat di sini, semalam.

"Sepanjang bulan ini iaitu pada setiap Sabtu dan Ahad, kita menyasarkan tangkapan sebanyak 50,000kg. Bermakna, kerajaan negeri memperuntukkan RM50,000 sebagai insentif kepada peserta yang terbabit"

Exco Infrastruktur dan Pertanian, Izham Hashim

Pada program itu, sebanyak 21 kumpulan mengambil bahagian membabitkan lebih 60 peserta yang mengambil bahagian bermula seawal jam 8 pagi hingga jam 1 tengah hari.

Izham berkata, semua hasil tangkapan akan diproses untuk dijadikan makanan haiwan mikro-nutrien tinggi dan baja organik menggunakan Teknologi Bio-Nano Yannisys.

"Kualiti ikan ini apabila kita buat baja sangat luar biasa jadi potensi itu sangat baik untuk kita komersial," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Oleh HAFIZ SAIDINA
hafiz.umor@media.com.my

PETALING JAYA: Malaysia berdepan kekangan tenaga buruh tempatan dalam industri perikanan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang kerana hampir 52 peratus atau 58,531 nelayan kini berusia 50 tahun dan ke atas.

Berdasarkan data Jabatan Perikanan, jumlah nelayan di seluruh negara yang masih aktif menjalankan aktiviti menangkap ikan adalah sebanyak 112,344 orang.

Bagaimanapun, golongan nelayan berusia 50 tahun dan ke atas akan keluar dari sektor itu dalam tempoh 10 hingga 20 tahun lagi manakala golongan muda kurang minat menjadi nelayan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, sektor perikanan Malaysia kini dimonopoli golongan yang bakal meninggalkan bidang itu atas faktor usia.

Justeru, kata beliau, penglibatan golongan belia sebagai nelayan moden sangat penting kepada sektor perikanan negara bagi memastikan kelestarian sekuriti makanan di Malaysia terjaga.

"Kita tidak mahu suatu hari nanti sektor perikanan negara dimonopoli oleh warga asing.

"Di peringkat LKIM, kita mempunyai Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA). KUBENA merupakan satu pertubuhan belia tidak rasmi yang bergerak di bawah penyelidikan Persatuan Nelayan.

"Keahlian KUBENA adalah terdiri daripada yang berumur antara 18 hingga 40 tahun. Anak-anak ahli Persatuan Nelayan yang berumur 15 hingga 40 tahun.

"Jumlah ahli KUBENA di seluruh negara adalah seramai 177 orang melibatkan 10 Persatuan Nelayan Kawasan PNK di seluruh negara.

"Oleh kerana itu, LKIM menggalakkan anak-anak nelayan terlibat dalam KUBENA agar lebih



Nelayan tua tiada pengganti

PERSAINGAN dengan sektor pekerjaan lain yang menawarkan pekerjaan lebih selesa juga antara faktor golongan belia tidak mahu melibatkan diri dalam nelayan.

ramai belia nelayan dapat dilahirkan dalam negara," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, terdapat beberapa sebab golongan muda tidak mahu jadi nelayan moden sehingga ia akan menjejaskan sektor nelayan yang memerlukan pelapis.

"Antaranya ialah persepsi negatif golongan belia terhadap pekerjaan nelayan sebagai pekerjaan 3D iaitu kotor, bahaya, dan sukar.

"Terdapat juga kekurangan pendedahan dan pendidikan

mengenai teknologi moden dalam perikanan yang menyebabkan mereka menganggap ia satu pekerjaan tradisional.

"Namun, persaingan dengan sektor pekerjaan lain yang menawarkan pekerjaan lebih selesa juga antara faktor golongan belia tidak mahu melibatkan diri dalam nelayan," katanya.

Mengulas perkara itu, pembabitin golongan belia dalam sektor perikanan ketika ini digalakkan bagi penggunaan teknologi moden yang menjadi-

kan pekerjaan ini lebih efisien dan selamat.

"Ini adalah untuk memperlihatkan kepada umum bahawa nelayan kini telah bersedia untuk melakukan transformasi menerusi penggunaan teknologi yang lebih canggih dan mampu memberikan hasil yang lumayan.

"Secara tidak langsung, ini dapat mengukuhkan tanggapan bahawa nelayan ini adalah pekerjaan yang kotor, bahaya dan sukar serta masih bergantung kepada alatan tradisional," katanya.

USIA & JUMLAH NELAYAN AKTIF

Jumlah nelayan aktif:
112,344 orang

65 ke atas	14.7%
60-64 tahun	11.1%
55-59 tahun	12.9%
50-54 tahun	13.4%
45-49 tahun	12.2%
40-44 tahun	9.8%
35-39 tahun	8.9%
30-34 tahun	7.8%
25-29 tahun	6.0%
20-24 tahun	2.2%
Tidak dinyatakan	0.9%

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Sektor pertanian lambat maju, dilihat miskin dan kurang berdaya saing jadi punca

Kebolehpasaran pelajar pertanian menurun

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**
irdina.sumali@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kadar kebolehpasaran graduan pertanian menurun sebanyak 5.6 peratus, daripada 65.3 peratus 2022 kepada 59.7 peratus tahun lalu.

Statistik Sistem Kajian Penguasaan Graduan (SKPG) yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menunjukkan penurunan itu disebabkan kurangnya kemajuan dalam sektor pertanian itu sendiri.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, bidang pertanian menghadapi terlalu banyak cabaran yang perlu diatasi bagi membuka peluang yang lebih luas kepada pelajar pertanian supaya mereka dapat bekerja dalam bidang tersebut.

"Malangnya, Malaysia masih belum mencapai tahap

kemajuan pertanian yang diperlukan bagi membolehkan akses kerjaya dalam bidang pertanian dibuka.

"Penggunaan teknologi dalam sektor pertanian di Malaysia masih kurang maju, yang menyebabkan sektor ini dilihat sebagai sektor ekonomi yang miskin dan kurang berdaya saing.

"Sebab itu, UPM berusaha untuk meningkatkan daya saing pertanian melalui pelbagai projek yang melibatkan teknologi, seperti projek agropreneur untuk memajukan lagi sektor pertanian," katanya ketika ditemubual oleh *Utusan Malaysia*.

UPM merekodkan kemasukan pelajar dalam bidang pertanian di peringkat sarjana muda seramai 280 orang pada 2019, 244 (2020), 204 (2021), 207 (2022) dan 247 (2023).

T a m -

bah beliau, masalah kelewatan Malaysia dalam penggunaan teknologi dalam bidang pertanian turut memberi impak negatif.

"Sektor pertanian dikenal pasti sebagai salah satu sektor yang paling perlahan dalam mengadaptasi teknologi canggih, seperti teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan Kecerdasan Buatan (AI).

"Ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk kekangan kewangan, kurangnya pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam kalangan petani, serta kekurangan infrastruktur yang menyokong teknologi-teknologi baharu ini," jelasnya.

Menurut beliau, kurangnya penggunaan teknologi menyebabkan sektor pertanian ketinggalan dalam meningkatkan produktiviti dan sering dianggap sebagai sektor yang kurang berdaya saing serta sektor ekonomi yang lebih lemah.

Oleh itu, UPM, dengan kerjasama universiti-universiti lain, turut menjalin kerjasama erat bersama Kementerian Keterjaminan Makanan untuk memberikan sumbangan idea dalam meningkatkan lagi teknologi pertanian.

"Kerjasama ini sangat penting kerana dari sinilah kita boleh berbincang dari sudut pandang pakar dan kita bentangkan kepada kerajaan langkah-langkah terbaik untuk mengatasi masalah ini," katanya.



**AHMAD
FARHAN
MOHD
SADULLAH**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/9/2024	KOSMO	NEGARA	14

Durian dijual semurah RM8 sekilo biarpun rasa setanding buah premium

Naga umbang 'tua' berbuah lebat

Oleh NORFARHIZA MOHD ATAR

LIPIS – Biarpun berusia lebih 100 tahun, namun sebatang pokok durian naga umbang dari variasi durian tembaga Pahang milik seorang anak muda dari Kampung Kuala Serau, Mukim Jelai di sini, mampu berbuah lebat sehingga 200 biji semusim.

Lebih menarik, durian itu dijual pada harga RM8 sekilogram sahaja walaupun rasanya setanding durian premium lain.

Muhammad Rahimi Zainal Abidin, 26, berkata, pokok yang ditanam arwah moyangnya itu memiliki buah berwarna kuning keemasan dengan rasa yang cukup enak termasuk manis, berlemak, pahit dan beraroma.

Katanya, buat masa ini, dia mempunyai empat batang pokok durian naga umbang yang ditanam di atas tanah kebun milik keluarganya seluas lebih satu hektar dan selebihnya adalah klon durian kampung.

"Jika diikutkan, saya hanya ada sebatang pokok asal, namun sejak 10 tahun lalu saya bersama ayah giat menyemai semula biji benih dan kini ada tiga pokok telah membuahkan hasil.

"Saya bercadang mengambil mata tunas pada pokok asal dan buat teknik cantuman dewasa. Ini sebagai usaha untuk memperbanyakkan lagi klon serta mengkomersialkan naga umbang ke pasaran luar," katanya di Kam-



ATAS: Isi durian naga umbang berwarna kuning keemasan.

KANAN: Muhammad Rahimi menunjukkan pokok durian naga umbang yang berusia lebih 100 tahun di Kampung Kuala Serau, Mukim Jelai dekat Lipis baru-baru ini.

pung Kuala Serau, Mukim Jelai dekat sini, baru-baru ini.


Muhammad Rahimi berkata, menerusi ciri-ciri lengkap yang dimiliki naga umbang telah berjaya menobatkan durian miliknya sebagai Naib Johan Pertandingan Durian Kampung Premium sempena Hari Durian Daerah Lipis baru-baru ini.

Tambahnya, menerusi kemenangan itu, dia mendapat banyak permintaan daripada pelanggan luar dari daerah Lipis dan Raub untuk merasai keenakan durian naga umbang.

"Fokus saya adalah untuk komersialkan durian kampung berbanding dengan durian premium yang lain kerana ia lebih mudah dijual.

"Berbanding musang king dan D24 yang memerlukan penjagaan rapi serta kos tinggi untuk membeli racun, durian kampung hanya perlu tanam, tinggal dan tuai.

"Pokok durian ini hanya sekali perlu ditabur garam dan baja," ujarnya yang juga staf Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.



2/9/2024

THE STAR

NATIONAL

10

DRIVING INNOVATION IN THE NATIONAL AGRI SECTOR

Over 620,000 agricultural holdings surveyed nationwide



Mohd Uzir (third from left) and his team of census takers meeting with the Legasi Al Amin Deer entrepreneur (far right) while on the field in Dengkil, Selangor for the 2024 Agricultural Census.

The 2024 Agriculture Census was officially launched by Deputy Prime Minister and Energy, Transition and Water Transformation Minister Datuk Seri Fadillah Yusof on July 4 at MAEPS, Serdang, Selangor.

Following this "kick-off", fieldwork started on July 7, conducted by the 2024 Agriculture Census Commissioner in Kampung Kok Klang, Perlis.

On-ground visits were carried out in selected districts to meet

with entrepreneurs, monitor the census implementation and gather feedback from enumerators and supervisors.

Mohd Uzir said, "As of Aug 23, the overall progress of the fieldwork operation had involved 623,338 agricultural holdings, where 614,066 residential places and 9,272 business organisations engaged in agricultural activities have been visited."

Of the 623,338 agricultural holdings, state-level analysis shows that three states recorded the highest number of visits: Sabah (134,742), followed by Johor (103,976), and Sarawak (66,196).

He added that an estimated 1.12 million residential places and 20,000 organisations would be covered throughout the three-month census period.

This activity will involve around 5,000 enumerators and fieldwork supervisors, with each enumerator expected to complete three to four survey question-

naires per day.

With less than two months remaining until the census deadline, the form processing and data capture work would involve about 1,700 enumerators and processing supervisors nationwide.

To ensure the effectiveness of the data to be produced, Mohd Uzir urged all agricultural entrepreneurs involved in upstream and downstream agricultural activities to cooperate with DOSM by providing honest and accurate information to the enumerators.

Various efforts have been and are being implemented, such as educating the public and intensifying community engagement sessions.

These efforts are expected to help strengthen the census operations on the ground.

Respondents should not hesitate or be concerned about disclosing agricultural information, as this data can assist policymakers and industry players in making better decisions and optimising operations within the agricultural sector.

For more information about the census, visit the DOSM portal at www.myagricensus.gov.my and the Agriculture Census 2024 Facebook page at www.facebook.com/bancipertanian2024/.

The theme of the Agriculture Census 2024 is "Agriculture Census, Key to Agricultural Progress."

The Malaysian government has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 every year.

The theme for MyStats Day is "Statistics, the pulse of life". DOSM celebrates its Diamond Jubilee in 2024.



PUTRAJAYA: The 2024 Agriculture Census reached its halfway mark (Aug 23) after three months of field work, with 48 days remaining until the census operation concludes.

The census, which began on July 7 and will continue until Oct 10, aims to provide an up-to-date, comprehensive overview of Malaysia's agricultural sector.

Census commissioner and Department of Statistics Malaysia (DOSM) chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said that the results will serve as indicators for the strategic formulation of policies for the national agricultural sector.

The targeted respondents for the 2024 Agriculture Census include individuals such as farmers, fishermen, and livestock breeders.

In addition, the census also targets business organisations such as farms and agricultural activities conducted by institutions like cooperatives and prisons.

The coverage of this census is more comprehensive than the last census in 2005, as it includes the subsectors of crops, livestock, fisheries, aquaculture, forestry and logging.